

Melayu Singapura desak Kuan Yew mohon maaf

SINGAPURA: Sebuah parti pembangkang Singapura yang mewakili kepentingan etnik Melayu semalam menuntut bekas perdana menteri Lee Kuan Yew memohon maaf berhubung kenyataan beliau mengenai etnik Cina di Malaysia dan Indonesia.

Lee yang kini berkhidmat sebagai menteri mentor dalam kabinet anaknya, Perdana Menteri Lee Hsien Loong, mencetuskan perang mulut apabila mendakwa Malaysia dan Indonesia yang didiami majoriti penduduk Islam, mendiskriminasi etnik China yang beliau sifatkan sebagai kuat bekerja tetapi dipencilkan secara sistematik.

"Kenyataan yang dibuat oleh Menteri Mentor jelas suatu provokasi dan tidak menggambarkan masyarakat majmuk kita," kata Setiausaha Politik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), Rahmat Ahmad.

"PKMS amat mendesak Kuan Yew menarik balik kenyataannya secepat mungkin jika boleh. Jika beliau tidak memohon maaf, kami menuntutnya segera meletak jawatan," katanya.

Kumpulan itu berkata, Perdana Menteri yang juga anak sulung Kuan Yew seharusnya lebih telus dan menunjukkan kepada masyarakat Melayu apa sebenarnya hasrat Kuan Yew itu.

Sebelum ini, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Lee Kuan Yew supaya membuat penjelasan mengenai ucapannya pada 15 September lalu, manakala bekas perdana menteri Tun Mahathir Mohamad menganggap Singapura negara kecil dan meminta Kuan Yew supaya tidak campur tangan dalam urusan negara lain.

Kementerian Luar Indonesia memanggil duta Singapura ke Jakarta mengadap berhubung kenyataan itu. Bagaimanapun, sehingga kini Singapura mengambil pendirian berdiam diri malah Kuan Yew sendiri kelihatan membisu. - Reuters